

07/07/2002

Mat Sabu mesti sedia hadapi tindakan

Ziauddin Sharuddin

KUALA KLAUANG: Ahli Parlimen Pas Kuala Kedah, Mohamad Sabu, perlu bersedia menerima apa juga tindakan berikutan ucapannya yang dikatakan menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, berkata pihak berkuasa sedang meneliti kesan ucapannya dari segi hasutan atau undang-undang lain.

Katanya, pihak berkuasa tidak memandang ringan terhadap sesiapa saja yang membuat ucapan untuk menghasut atau menghina.

"Polis buat pertama kali tangkas dan prihatin terhadap tuntutan undang-undang seperti yang diambil terhadap pihak yang mencerca Islam, baru-baru ini," katanya, semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis menuai ikan di Kolam Ikan Tok Uban di Kampung Kemin dekat sini, beliau berkata, DAP juga menerima bahang apabila pemimpin parti itu mengedar risalah.

Pemimpin DAP, Lim Kit Siang, ditahan kerana mengedar risalah mempertikaikan pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

Mohamad Sabu yang juga Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah melalui Saluran Perdana Radio Televisyen Malaysia (RTM) dilaporkan menyifatkan Perdana Menteri sebagai orang gila dan haprak.

Dr Rais berkata, ucapan Mohamad Sabu perlu dikaji dari dua aspek, iaitu jika berbentuk fitnah terhadap individu, ia perlu diambil tindakan oleh individu berkenaan dan tidak membabitkan kuasa negara.

Bagaimanapun, katanya jika melanggar Akta Hasutan 1948, pihak terbabit perlu bersedia menghadapi risiko tindakan undang-undang.

Sehubungan itu, beliau menasihati sesiapa saja yang bercakap di Anak Bukit dan Pendang, Kedah, mematuhi nasihat Perdana Menteri supaya berkempen sepanjang pilihan raya kecil dengan matang.

"Jangan menyakiti hati orang lain yang boleh membawa kepada hasutan dan dikenakan tindakan undang-undang," katanya.

Mengulas mengenai tindakan kerajaan Pas Terengganu untuk membentangkan undang-undang hudud, katanya kerajaan hanya menerima versi tidak rasmi rang undang-undang itu.

"Kerajaan tidak tahu kandungan dan maksud undang-undang itu. Boleh saya katakan bahawa kerajaan tidak menghalang pembentangannya pada persidangan Dewan Undangan Negeri.

"Bagaimanapun, apabila tiba masanya, kita akan membuat kajian, sama ada tindakan itu mengikut perlembagaan atau tidak," katanya.